

HEPA adakan tiga majlis serentak

ug 9.11.2017 A12



PROF. D. Kamarudin (kiri), Prof Dr Ismail bersama tetamu yang lain melepaskan benih sempena perasmian kolam ikan tagal.

Pelajar Ahmadi Nurdin, dalam ucapannya agar semua kakitangan menjauhkan diri daripada terlibat dalam gejala rasuah yang bukan sahaja berbentuk kewangan malah

dalam pelbagai cara yang berkaitan dengannya.

Selepas majlis ikrar dan menandatangani ikrar bebas rasuah, majlis beralih ke perasmian tangga di hadapan

pejabat Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UMS.

Tangga yang siap dibina ini dalam masa dua hari itu dibina sendiri oleh kakitangan Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UMS iaitu Mohamad Yusup Suntrak, Ramlee Amin, Mohd. Faizal Marjus, Ridzal Mohd. Shaffri, Maidin Eaiti



PROF. D. Kamarudin menandatangani plak perasmian

“Aktiviti sebegini amat baik, selain tagal, projek penanaman pokok mangga seperti di sekeliling HEPA ini adalah satu aktiviti Eco-Campus yang sangat baik.”

PROF. DATUK DR. D. KAMARUDIN D. MUDIN Naib Canselor UMS

dan James Tingan. Majlis Perasmian Tangga ini disempurnakan oleh Prof. Dr. Ismail Ali, Timbalan Naib Canselor (HEPA), UMS.

Majlis seterusnya beralih ke Perasmian Kolam Ikan (Tagal) di Tasik Jabatan Hal Ehwal Pelajar yang terletak berhampiran di bangunan

Jabatan Hal Ehwal Pelajar. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memberi sumbangan bibit ikan sebanyak 500 ekor, manakala Institut Penyelidikan Marin Borneo memberi sumbangan bibit ikan sebanyak 300 ekor.

Majlis itu diserikan dengan upacara menandatangani

Papan Tanda Kolam Ikan (Tagal) Eco Kampus, penanaman pokok dan melepaskan ikan yang disempurnakan oleh Prof. Datuk Dr. D. Kamarudin D. Mudin, Naib Canselor, UMS.

Turut hadir pada majlis itu ialah Prof. Dr. Ismail Ali Timbalan Naib Canselor (HEPA), Dr. Ahmad Sade Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Sabah, Dr. Ahmad Sadi Pegawai Utama dan Kanan UMS, Pegawai-Pegawai dan kakitangan HEPA serta barisan Majlis Perwakilan Pelajar.

Menurut Naib Canselor UMS, aktiviti sebegini amat baik, selain tagal, projek penanaman pokok mangga seperti di sekeliling HEPA ini adalah satu aktiviti Eco-Campus yang sangat baik.

Beliau berharap kepada semua JFPIU dapat melaksanakan Eco-Campus dan menjaga kehijauan kampus kita ini.

Menurut Timbalan Naib Canselor (HEPA) Prof. Dr. Ismail Ali, HEPA berjaya mengadakan satu program berbentuk NBOS, di mana tiga aktiviti serentak diadakan. Program tagal ini dilakukan selama enam bulan dan selepas enam bulan, HEPA akan membuka tagal berkenaan kepada warga UMS dan begitulah seterusnya.



PROF. Dr. D Kamarudin menanam pokok mangga.



PROF. Dr. Ismail merasmikan tangga yang disiapkan JHEP dalam masa dua hari.